

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 27 FEBRUARI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 1

---

#### WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1531-MQT2582

**Dato' Khilir bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian berhubung isu Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) ekoran peletakan jawatan beberapa pegawai kanan dalam entiti berkenaan baru-baru ini.

2. PR-1531-MQT2576

**Puan Rodziah binti Ismail [ Ampang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini peruntukan RM50 juta dijanjikan oleh mantan Menteri bagi pembinaan lima blok pangaspuri kos rendah yang mampu menempatkan 3,000 penduduk terutama semua penduduk Flat Taman Sri Berembang Port Klang, diisyiharkan tidak selamat diduduki ekoran retak dan kerosakan struktur teruk.

3. PR-1531-MQT2565

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peruntukan yang lulus dalam rancangan menaik taraf kemudahan sekolah rendah dan sekolah menengah dalam Parlimen Bukit Gantang bagi tahun 2024 dan nyatakan kemajuan pembinaan Sekolah Pendidikan Khas di Simpang, Parlimen Bukit Gantang.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 27 FEBRUARI 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 2**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1531-L22841  
**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [ Betong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh mana inisiatif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah berjaya mencapai objektifnya untuk menangani kos sara hidup rakyat dan senaraikan jenis-jenis inisiatif tersebut.
  
2. PR-1531-L24137  
**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkaitan dasar bantuan kepada mangsa banjir yang terlibat serta jumlah pampasan termasuk juga bantuan wang ihsan banjir.
  
3. PR-1531-L23590  
**Tuan Suhaizan bin Kaiat [ Pulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah penipuan *scammer* atas talian yang semakin berleluasa dan apakah bentuk bantuan serta pembelaan yang boleh di beri kepada mangsa-mangsa penipuan ini.

## 4. PR-1531-L24029

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan termasuk melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dalam melindungi Undang-undang Enakmen Syariah Negeri-Negeri daripada cabaran pihak-pihak tertentu tentang keabsahannya terutama melalui serangan terancang litigasi strategik yang sangat membimbangkan umat Islam di negara ini.

## 5. PR-1531-L22750

**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan pandangan mengenai usaha untuk memerangi penyebaran maklumat palsu dan disinformasi dalam media sosial yang semakin meningkat .

## 6. PR-1531-L23341

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian mengenai konsesi tambahan baharu bagi perkhidmatan KLIA Ekspres dan KLIA Transit selama 30 tahun bermula dari 2029 hingga 2059 serta apakah implikasi terperinci yang terlibat.

## 7. PR-1531-L23755

**Datuk Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah terdapatnya peruntukan khas untuk pembangunan belia contohnya Pusat Belia di setiap kawasan Parlimen dan juga dana khas untuk membaik pulih serta menaik taraf padang bola sepak di kampung-kampung dari Kementerian kerana ia menelan belanja yang agak tinggi.

## 8. PR-1531-L24218

**Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai konsep "bina dan jual" yang pernah diumumkan sebelum ini sebagai solusi kepada projek perumahan "sakit" yang berlaku.

## 9. PR-1531-L23143

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini penyediaan Dasar Industri Pertahanan Negara yang dinyatakan dalam Kertas Putih Pertahanan serta kajian separuh penggal Kertas Putih Pertahanan.

10. PR-1531-L23150  
**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjong Karang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan hasil perancangan Kerajaan terkini bagi meluaskan program jaringan jalur lebar atau wi-fi ke kawasan pedalaman di seluruh negara agar ianya dapat dinikmati oleh rakyat mendapatkan kemudahan rangkaian internet.
11. PR-1531-L22814  
**Tuan Onn bin Abu Bakar [ Batu Pahat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik gerai-gerai haram di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan apakah tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menangani gerai-gerai haram ini.
12. PR-1531-L23853  
**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kerjasama strategik dengan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi membangunkan silibus pengajian berdasarkan Kecerdasan Buatan (AI) seiring dengan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025.
13. PR-1531-L22866  
**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi isu salah guna premis atau lesen dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan dengan memberikan sewa kepada warga asing.
14. PR-1531-L23825  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan terkini yang dimainkan oleh Malaysia dalam membantu rakyat Palestin yang masih menjadi mangsa kekejaman zionis Israel .
15. PR-1531-L24275  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan rancangan Kementerian untuk memajukan ekonomi digital serta menyerapkan teknologi 5G termasuk sekuriti siber ke dalam sektor pentadbiran Kerajaan, pasaran swasta dan masyarakat secara amnya secepat mungkin serta kos yang terbabit. Adakah MCMC diletakkan di bawah Kementerian Digital agar memudah cara pelaksanaan semua aspek digital negara.

16. PR-1531-L23372

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [ Larut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan perundangan selain RCI yang sedang dan bakal diambil Kerajaan bagi mendapatkan semula hak ke atas Pulau Batu Puteh dan menjamin kedaulatan Malaysia ke atas Tubir Selatan.

17. PR-1531-L23197

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [ Sri Gading ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah proses pelaksanaan semula projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura (KL-Singapura) akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta.

18. PR-1531-L23814

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perancangan terperinci Kementerian ekoran ketetapan bahawa tiada larangan atau sekatan dikenakan kepada warga asing membeli minyak masak paket bersubsidi di kedai-kedai runcit.

19. PR-1531-L22715

**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan statistik, dipecahkan mengikut penyiasatan, pertuduhan dan sabitan, di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia bagi tempoh Januari 2023 hingga Disember 2023.

20. PR-1531-L23414

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mencegah kegiatan tonto dan dalam masa yang sama memperkasa keselamatan penguatkuasa JPJ daripada ancaman dan bahaya semasa menjalankan tugas.

21. PR-1531-L22787

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pembukaan pejabat Jabatan Bantuan Guaman di Tawau bagi menampung keperluan 1 juta orang penduduk meliputi kawasan Kalabakan, Semporna, dan Lahad Datu untuk mendapatkan bantuan dan nasihat guaman tanpa perlu ke Kota Kinabalu yang hampir sejauh 500km serta terpaksa menanggung kos ribuan ringgit.

22. PR-1531-L23906  
**Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan usaha bagi mengetatkan syarat permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) sebagai langkah membendung kemasukan artis berlatar belakangkan ideologi LGBT ke dalam negara.
23. PR-1531-L22764  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kemajuan bagi inisiatif-inisiatif yang telah digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 dan apakah pendirian Kerajaan terhadap inisiatif-inisiatif yang masih belum dilaksanakan.
24. PR-1531-L23966  
**Dr. Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan pindaan Perlembagaan untuk memansuhkan pencen penjawat awam.
25. PR-1531-L22904  
**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan untuk mempertimbangkan keperluan Balai Bomba Lutong (Kuala Baram) untuk mengisi kekosongan jawatan dan dibekalkan lebih banyak peralatan bomba seperti jentera Fire Rescue Vehicle (FRV) yang baru dan peralatan lain yang diperlukan demi memantapkan perkhidmatan bomba di kawasan tersebut.
26. PR-1531-L23240  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sebab-sebab permintaan spesifikasi dari segi sasaran, persenjataan dan penderiaan untuk Littoral Mission Ship (LMS) kumpulan kedua berkali ganda besar daripada LMS kumpulan pertama.
27. PR-1531-L24264  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan mengapa masih gagal membendung gejala klip Tik-Tok yang bersifat fitnah, memainkan sentimen perkauman dan ekstremis yang menggugat keharmonian kaum dan agama serta tindakan ke atas anasir-anasir jahat ini.
28. PR-1531-L22870  
**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan untuk menggubal Akta Parlimen Berpenggal Tetap dan apakah garis masa pelaksanaan akta ini.

29. PR-1531-L24352

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Pelan Anti Rasuah Nasional. Apakah strategi yang dirangka untuk memastikan NACs (National Anti Corruption Strategy) berjaya dan bagaimanakah pihak Kerajaan memastikan komitmen pelaksanaannya oleh sektor awam.

30. PR-1531-L22798

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) sama ada Kementerian merancang untuk memperkenalkan dasar Extended Producer Responsibility (EPR) bagi mewajibkan pihak industri supaya bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa masing-masing; dan
- (b) apakah model yang akan diperkenalkan dan adakah Kerajaan akan memperkenalkan konsep '*Tax Polluter*' agar penjana sisa pepejal lebih peka terhadap kuantiti sisa pepejal yang dijana harian.

31. PR-1531-L23001

**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan untuk mengkaji semula mekanisme penguatkuasaan kepada kenderaan berat yang tidak mematuhi had laju yang ditetapkan oleh Kerajaan dan mengkaji semula keberkesanan talian aduan oleh pengguna jalan raya.

32. PR-1531-L23736

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian jumlah golongan belia B40 melalui permohonan lesen motosikal secara percuma dengan jumlah yang berjaya dan tidak berjaya dan apakah tindakan selanjutnya.

33. PR-1531-L23455

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bila perolehan "*Self Propelled Howitzer*" akan dimuktamadkan, negara manakah yang berjaya serta berapa nilai kontrak tersebut.

34. PR-1531-L22945  
**Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam memartabatkan lagi sukan berpotensi tinggi seperti sepak takraw dan hoki yang kerap mengharumkan nama negara di persada sukan dunia tetapi seolah-olah dianaktirikan berbanding sukan popular lain.
35. PR-1531-L24283  
**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah hasil kajian Suruhanjaya Persaingan Malaysia berkaitan kewujudan kartel dalam isu pengimportan barang berasaskan makanan.
36. PR-1531-L22707  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kerajaan mengaku KPDN telah gagal dalam usaha mengekang kenaikan harga barang-barang bukan kawalan yang menaikkan harga sewenang-wenang sehingga mencekik rakyat.
37. PR-1531-L23391  
**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pendekatan yang diambil untuk memastikan kerelevan serta kemampuan industri kereta sewa berlesen atau teksi sewa untuk bertahan.
38. PR-1531-L23433  
**Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [ Lumut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah isu berkaitan arahan pengosongan premis Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Daerah Manjung telah diselesaikan dan di manakah lokasi premis yang baharu.
39. PR-1531-L24339  
**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif dalam membantu para atlet negara meneruskan kehidupan selepas mereka tidak lagi aktif disebabkan faktor umur atau kecederaan ketika menjadi atlet.
40. PR-1531-L22746  
**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pembinaan pusat pemindahan kekal bencana di bahagian Sri Aman memandangkan NADMA telah pun mengadakan lawatan dan mengenal pasti tapak pada 5 Julai 2023 .

41. PR-1531-L23368

**Dato' Khlir bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan pelarasan pencecaveteran ATM yang berpencen sebelum 1 Januari 2013 setelah isu ini di bawa ke mesyuarat Kabinet oleh Menteri Pertahanan yang lepas pada tahun 2023.

42. PR-1531-L23224

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab pembatalan 9 projek yang telah diluluskan di Parlimen Muar sebelum ini namun dibatalkan pada Disember 2023.

43. PR-1531-L23432

**Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [ Lumut ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah rasionalnya membenarkan pendatang asing dengan izin (yang tidak membayar cukai) dan juga pelancong asing membeli barang keperluan bersubsidi seperti gula, minyak masak dan beras pada harga subsidi yang dijual kepada rakyat Malaysia.

44. PR-1531-L23370

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [ Larut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa banyak nama-nama yang disebut dalam *Pandora Papers*, 12 individu termasuk beberapa pemimpin dalam Kabinet Kerajaan Madani tidak disiasat, sebaliknya hanya memberi fokus kepada tokoh yang dilihat mesra kepada pembangkang.

45. PR-1531-L23031

**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha Kerajaan yang mampu memberi impak dalam membantu meringankan beban masyarakat yang kurang berkemampuan di kala menghadapi peningkatan kos sara hidup masa kini yang kian meruncing selaras dengan kesungguhan Kerajaan Malaysia Madani dalam menontahkan kemiskinan tegar.

46. PR-1531-L23384

**Dato' Khlir bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan yang telah diambil bagi menentukan lebih ramai anggota-anggota ATM yang telah bersara dan yang masih berkhidmat dapat menunaikan haji yang merupakan rukun Islam yang kelima.

47. PR-1531-L22799

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perincian 1,000 unit Program Perumahan Rakyat (PPR) yang bakal dibekalkan kepada Pulau Pinang sebagaimana diumumkan baru-baru ini. Bila ia akan bermula dan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi pembekalan unit PPR di Pulau Pinang. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

48. PR-1531-L23797

**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan isu gangguan dan kelewatan waktu perjalanan perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) susulan projek menaik taraf sistem dan infrastruktur Landasan Berkembar Lembah Klang (KDVT) Fasa Satu dan Dua.

49. PR-1531-L22844

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [ Betong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah hasil tindakan MyCC terhadap syarikat yang dituduh membentuk kartel makanan ayam untuk menetapkan harga. Nyatakan usaha Kementerian untuk mengawal perkara ini agar tidak berulang lagi.

50. PR-1531-L22869

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status siasatan Pandora Papers dan adakah laporan siasatan akan dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan.

51. PR-1531-L23783

**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah perancangan strategik Kementerian bagi menangani masalah kenaikan harga barang yang membawa kepada kesan inflasi sehingga mengakibatkan kuasa beli pengguna kian mengecil dan berupaya menjelaskan usaha kearah pemulihan ekonomi negara.

52. PR-1531-L23140

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan rancangan MAMPU untuk meningkatkan keselamatan kesemua laman web dan pangkalan data agensi Kerajaan.

53. PR-1531-L22739

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan feri yang beroperasi di antara Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Seberang Perai kerana kemudahan feri yang ada sekarang menerima sambutan baik dan terdapat keperluan untuk menambahkan bilangan feri yang beroperasi terutamanya sewaktu masa puncak.

54. PR-1531-L23334

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan dan perancangan Kementerian dalam menaik taraf perkhidmatan internet kawasan luar bandar di Parlimen Bukit Gantang terutama dalam Mukim Sungai Tinggi iaitu Kampung Permatang Raja, Kampung Matang Merbau, Kampung Ayer Terjun dan Kampung Batu Hampar. Seterusnya dalam Mukim Bukit Gantang iaitu Kampung Changkat Ibol, Kampung Cheh, Kampung Berchat, Kampung Kubu dan Kampung Pauh.

55. PR-1531-L22788

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan hasrat dan program jangka masa panjang untuk menyelaraskan "Satu Harga MADANI" bagi memastikan harga barang di Sabah dan Sarawak selaras dengan Semenanjung Malaysia sekaligus dapat mengurangkan kos sara hidup berganda yang dihadapi oleh rakyat Sabah dan Sarawak.

56. PR-1531-L22773

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila persempadan semula kawasan pilihan raya Sarawak akan dimulakan. Berapa kawasan pilihan raya akan ditambahkan bagi kawasan dewan undangan negeri dan kawasan Parlimen.

57. PR-1531-L23225

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam reformasi institusi yang dijanjikan sebelum ini seperti meletakkan SPRM di bawah bidang kuasa Parlimen, pemansuhan Akta Hasutan dan SOSMA.

58. PR-1531-L22738

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bila projek Light Railway Transit atau Kereta api Transit Ringan di Pulau Pinang dijangka bermula dan sempurna disiapkan.

59. PR-1531-L23412

**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menambah bilangan projek PPR dan RMR dalam Parlimen Merbok kerana hanya ada satu sahaja iaitu PPR Amanjaya dengan hanya 208 unit, begitu juga dengan RMR hanya sebanyak 267 unit yang telah siap.

60. PR-1531-L22703

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa kes-kes kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 yang telah berlaku lebih 40 tahun lalu baru sekarang disiasat dan dituduh di Mahkamah. Adakah ini bukti nyata kegagalan SPRM sebelum ini bertindak secara bebas di bawah Kerajaan-Kerajaan yang lalu.

61. PR-1531-L23336

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan yang telah dimainkan oleh negara kita dalam menyokong desakan komuniti antarabangsa mengheret isu genosid Israel ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

62. PR-1531-L22817

**Tuan Onn bin Abu Bakar [ Batu Pahat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang gagal menjelaskan tunggakan sewa hingga tahun 2023. Apakah tindakan pihak DBKL dalam menangani masalah ini.

63. PR-1531-L23963

**Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menyekat akses ke laman web pornografi dan perjudian *online*.

64. PR-1531-L24149

**Tuan Haji Kamal bin Ashaari [ Kuala Krau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan komited dan serius dalam meminda Akta GSA 1960 bagi tanah-tanah FELDA agar pelaksanaan Skim Tanah Rakyat dapat diperbanyak lagi.

65. PR-1531-L(5)00216

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan aduan mengenai "Lori Tipper" yang mengangkut barangan lebih berat daripada had beban yang ditetapkan menjadi isu yang berleluasa di sekitar Pelabuhan Klang. Minta pihak Kementerian nyatakan bilangan tangkapan kes sebegini pada tahun 2023 di kawasan Klang. Apakah mekanisme kawal selia untuk membendung masalah ini.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

66. PR-1531-L24353

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah dasar Kementerian berkaitan kilang-kilang haram yang dibina di kawasan pertanian dan perumahan sehingga perkara ini membahayakan nyawa penduduk sekitar.

67. PR-1531-L23415

**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan dan langkah Kementerian di dalam usaha menghentikan aktiviti pembuangan sampah haram yang berlaku di Hutan Simpan Paya Bakau Sungai Merbok serta pengurusan sampah di kawasan tidak bercukai seperti Kampung Segantang Garam, Kampung Bujang, Kampung Sungai Gelam dan sekitarnya.

68. PR-1531-L23144

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjong Karang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan strategi dan perancangan Kerajaan secara teratur dalam mempromosikan jualan termurah Madani ke seluruh negara berikut permintaan ramai agar mengadakan program tersebut secara berkala dan lebih kerap lagi bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan.

69. PR-1531-L23865

**Dato' Dr. Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan sistem sokongan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) luar bandar khususnya PBT di negeri-negeri miskin agar turut mendapat limpahan ekonomi seperti PBT di kawasan-kawasan bandar.

70. PR-1531-L22756

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha berterusan yang akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan kedudukan Malaysia di tahap yang lebih baik bagi memastikan Malaysia mampu mencapai kedudukan ke-25 dalam pengukuran Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menjelang 2033 berbanding tanda ke-57 bagi tahun 2023.

71. PR-1531-L23422

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dalam menangani kenaikan kos sara hidup, pemberian subsidi secara bersasar, ketirisan subsidi dan kenaikan harga barang kerana Kerajaan memberi jaminan bahawa kumpulan yang paling terkesan dengan kos sara hidup akan menjadi penerima bantuan subsidi yang paling utama.

72. PR-1531-L22724

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapa jumlah terkini persatuan belia yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftar Persatuan Belia dan apakah peranan-peranan utama persatuan ini dalam mengerakkan belia ke arah yang lebih berdaya saing.

73. PR-1531-L23360

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan seterusnya bagi mengatasi masalah struktur bangunan Masjid Jamek Al-Istiqbal, Taman Mewah yang semakin tidak selamat dengan kos pembaikan sebanyak RM480,000.00 diperlukan. Adakah mahu menunggu kemalangan jiwa barulah tindakan daripada Kerajaan diambil.

74. PR-1531-L23810

**Puan Rodiyah binti Sapiee [ Batang Sadong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melindungi rakyat terutamanya warga emas daripada penipuan pelaburan tidak wujud dan jumlah kes penipuan yang melibatkan warga emas.

75. PR-1531-L24316

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini urusan pemindahan semula aset Tabung Haji (TH) yang telah diserahkan kepada Syarikat Bertujuan Khas (SPV) sebelum ini.

76. PR-1531-L24173

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kaedah penstrukturran semula atau pengenalan skim persaraan baharu lain yang akan dicadangkan oleh Kerajaan setelah pengumuman pemansuhan pencen penjawat awam dihebahkan baru-baru ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Tuan Haji Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas."

2. ( D.R 38/2023 ) Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

3. ( D.R 41/2023 ) Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 "

**[ Perdana Menteri ]**

4. ( D.R 39/2023 ) Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 "

**[ Menteri Pendidikan Tinggi ]**

5. ( D.R 37/2023 ) Rang Undang-Undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 "

**[ Menteri Kerja Raya ]**

6. ( D.R 35/2023 ) Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 "

**[ Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam ]**

## 7. PR-1531-U(27)308

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

**[ Menteri Kewangan ]**

## 8. PR-1531-U(27)309

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhan perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

9. PR-1531-U(27)310

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi perlaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

**[ Menteri Kewangan ]**

10. PR-1531-U(27)311

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

**[ Menteri Luar Negeri ]**

## 11. PR-1531-U(27)312

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

## 12. PR-1531-U(27)313

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

#### **[ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]**

13. PR-1531-U(27)314

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyedia satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.”

#### **[ Menteri Kewangan ]**

14. PR-1531-U(27)315

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

**[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]**

15. PR-1531-U(27)316

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

**[ Menteri Pertahanan ]**

16. PR-1531-U(27)317

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyeferakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

#### [ Menteri Dalam Negeri ]

17. PR-1531-U(27)318

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

#### [ Menteri Komunikasi ]

18. PR-1531-U(27)319

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

#### [ Menteri Pengangkutan ]

19. PR-1531-U(27)320

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

20. PR-1531-U(27)321

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barang pada masa ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

21. PR-1531-U(27)322

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak- pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa kecinciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu- bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 24	Penyata Jawatankuasa Dewan Bersama Dewan Negara dan Dewan Rakyat	27 Februari 2024
<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 1	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 12) 2023 P.U. (A) 273/2023 diwartakan pada 15 September 2023	27 Februari 2024
ST. 2	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 13) 2023 P.U. (A) 274/2023 diwartakan pada 15 September 2023	27 Februari 2024
ST. 3	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 14) 2023 P.U. (A) 308/2023 diwartakan pada 11 Oktober 2023	27 Februari 2024
ST. 4	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 15) 2023 P.U. (A) 328/2023 diwartakan pada 31 Oktober 2023	27 Februari 2024
ST. 5	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 16) 2023 P.U. (A) 336/2023 diwartakan pada 6 November 2023	27 Februari 2024
ST. 6	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 17) 2023 P.U. (A) 363/2023 diwartakan pada 24 November 2023	27 Februari 2024

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 7	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Setiawangsa–Pantai) 2023 P.U. (A) 334/2023 diwartakan pada 2 November 2023	27 Februari 2024
ST. 8	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Pesisiran Pantai Barat (Taiping-Banting)) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 354/2023 diwartakan pada 17 November 2023	27 Februari 2024
ST. 24	AKTA RACUN 1952 Peraturan-Peraturan Racun (Pengkompaunan Kesalahan) 2023 P.U.(A) 402/2023 yang diwartakan 28 Disember 2023	27 Februari 2024

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
27.02.2024 (Selasa)	1. YB Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali (Pekan)	1. Pulau Jadian di Sungai Pahang yang Menghalang Aliran Sungai  2. Risiko Kerosakan Jambatan Sultan Abu Bakar disebabkan Pulau Jadian di bawah Jambatan	1. YB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air  2. YB Menteri Kerja Raya
	2. YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun (Hulu Selangor)	3. Pengambilalihan Tanah Persendirian bagi Menyelenggara dan Membaik Pulih Jalan dari Lembah Beringin ke Kerling  4. Mewujudkan Kepakaran di Hospital Kuala Kubu Bharu	3. YB Menteri Kerja Raya  4. YB Menteri Kesihatan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**